

**MESYUARAT KEDUA, PENGKAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ  
[PASIR MAS]**

**NO. SOALAN : 371**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan kesan program Rural Business  
Challenge (RBC) bagi menambahkan peluang pekerjaan  
di kawasan luar bandar.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Program Rural Business Challenge (RBC) merupakan satu program yang memberi peluang kepada belia Malaysia memperlihatkan kecenderungan, minat serta kesungguhan untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan atau sumber pendapatan mereka. Melalui program ini, pertandingan RBC diwujudkan bagi mengenalpasti usahawan belia yang mempunyai projek yang menguntungkan dan berdaya maju untuk dianugerahkan hadiah berbentuk geran perniagaan bagi pelaksanaan projek tersebut di kawasan luar bandar.

Sehingga kini, 54 pemenang telah dikenalpasti melalui pertandingan 2012-2014. Setelah setahun pelaksanaan projek oleh pemenang, sebanyak 389 peluang pekerjaan telah diwujudkan oleh pemenang 2012 dan sebanyak 586 peluang pekerjaan telah diwujudkan oleh pemenang 2013. Kementerian mengunjurkan sebanyak 590 peluang pekerjaan lagi akan berjaya diwujudkan oleh pemenang 2014.

Walaupun pelaksanaan projek pemenang baharu memasuki tahun ketiga, namun jelas terdapat lonjakan pencapaian dari segi peningkatan pendapatan pemenang, penyediaan peluang pekerjaan serta pewujudan usahawan-usahawan baharu yang membuktikan keberkesanan dan kejayaan program tersebut.